



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR  
TINGKAT LG,G,1,3,4  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40576 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Tel : 603-5544 7000  
No. Faks : 603-5510 2658  
Talian Bebas Tol : 1-800-88-2624  
URL : <https://ptg.selangor.gov.my>  
E-mail : [ptgs@selangor.gov.my](mailto:ptgs@selangor.gov.my)



**#KitaSelangor**

Ruj. Kami: Bil. (52)dlm.PTGS/BPH/SEL/10/31/99 Jld. 34  
Tarikh : **3** November 2023  
**12** Rabiulakhir 1445H

### **EDARAN SEGERA**

#### **Badan Peguam Malaysia**

No. 13, 15 & 17,  
Leboh Pasar Besar,  
50050 Kuala Lumpur

#### **Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur**

Tingkat 4,  
Wisma Hangsam,  
No.1, Jalan Hang Lekir,  
50000 Kuala Lumpur

#### **Jawatankuasa Peguam Selangor**

No.41, Jalan Bola Jaring 13/15,  
Seksyen 13,  
40100 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

### **PEMAKLUMAN PERMOHONAN e-CARIAN DAN SALINAN SAH HAKMILIK DI PORTAL AWAM e-TANAH NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum, Pentadbiran Tanah Negeri Selangor telahewartakan penggunaan sistem e-Tanah bagi menggantikan sistem sedia ada pada 26 Oktober 2023 (Khamis). Sehubungan itu, semua kaunter *Single Point of Contact* (SPOC) di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dan kaunter Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta Portal Awam e-Tanah Negeri Selangor telah mula beroperasi pada **30 Oktober 2023**.
3. Untuk makluman YBhg. Dato'/tuan/puan, e-Carian adalah satu fungsi yang ditawarkan oleh Portal Awam e-Tanah Negeri Selangor yang membolehkan pengguna untuk membuat permohonan carian rasmi dan persendirian secara dalam talian. Pengguna tidak perlu lagi ke kaunter untuk membuat permohonan carian, sebaliknya hanya perlu melayari <https://etanah.selangor.gov.my/> (Portal Awam e-Tanah Negeri Selangor) untuk membuat urusan tersebut. Pengguna perlu mendaftar akaun pengguna di Portal Awam e-Tanah Negeri

**PEMAKLUMAN PERMOHONAN e-CARIAN DAN SALINAN SAH HAKMILIK DI PORTAL AWAM e-TANAH NEGERI SELANGOR**

---

Selangor sebelum dapat membuat sebarang urusan. Pengguna berdaftar sistem Smartbox Negeri Selangor secara automatik telah didaftarkan sebagai pengguna Portal Awam e-Tanah Negeri Selangor dan boleh menggunakan ID sedia ada **tetapi perlu menukar kata laluan baharu** untuk kegunaan Portal Awam e-Tanah Negeri Selangor.

4. Pentadbiran ini memohon kerjasama pihak YBhg. Dato'/tuan/puan untuk memaklumkan kepada semua firma guaman di bawah seliaan pihak YBhg. Dato'/tuan/puan. Kerjasama semua berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. HIZAN BIN WAHED)**

Timbalan Pengarah (Pendaftaran)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

**s.k:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Aras 4, Podium 1,  
Wisma Sumber Asli,  
No.25, Persiaran Perdana,  
62574 Putrajaya

Pengarah PTGS

Timbalan Pengarah (Pengurusan), PTGS